

Isu PM Ke-8 terjejas selagi PKR berpecah

BH - 17/11/2019 m/d. 11



ada jawatan Perdana Menteri akan diserahkan kepada Anwar dan bukan calon lain, termasuk Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Semua jawapan Dr Mahathir dalam isu Perdana Menteri Kelapan termasuk ketika sidang media di dalam negara sama ada selepas mesyuarat PH, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) atau majlis keramaian tertentu, adalah konsisten.

Ini sejajar persetujuan pimpinan PH dianggotai PKR, DAP, BERSATU dan Parti Amanah Negara (AMANAH) sebelum pilihan raya umum (PRU) lalu untuk melantik Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Ketujuh dan selepas itu, Anwar mengambil alih.

Cuma yang menjadi tanda tanya ialah bila ia akan berlaku. Dr Mahathir sendiri tetap enggan menyebut tarikh kerana tidak mahu mengganggu dengan urusan pentadbiran negara.

Namun, cakap-cakap di luar sana kedengaran bermacam-macam dan ada yang mendakwa akan berlaku *court intrigue* (komplot dalaman), terutama dalam PKR berikutan wujudnya dua kumpulan-masing-masing diketuai Anwar dan Azmin.

Apa yang sedang berlaku dalam PKR sekarang ini adalah tidak sihat dan keadaan agak

meruncing apabila tercetus isu pembatalan jemputan untuk Azmin merasmikan Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan (AMK) di Melaka pada 6 Disember ini.

Ia tercetus apabila seramai 21 daripada 25 Ahli Pimpinan Pusat AMK membantah keputusan itu dan menyifatkannya sebagai cerminan terhadap keadaan

PKR yang dilanda krisis ketika ini.

Apa yang berlaku dalam PKR ini boleh mengancam kestabilan politik negara menjelang 2020 kerana 'bakal PM Ke-8' dibekalkan oleh parti ini.

Kem Anwar dan Azmin perlu terus berbincang untuk mencari jalan 'penyelesaian politik' terbaik demi kestabilan politik PKR dan negara. Jika kedua-duanya masih gagal untuk berdamai, disyorkan supaya Dr Mahathir campur tangan untuk memberi kata putus, selaku pemimpin utama pemerintahan PH.

Sebelum ini, Majlis Setiausaha PH mendakwa ada komplot mewujudkan kerajaan baharu tanpa DAP dan AMANAH, antaranya bertujuan menghalang Anwar menjadi Perdana Menteri.

Selagi kemelut dalaman PKR tidak selesai, masalah ini akan berterusan dan dikhuatiri boleh menjejaskan PH walaupun setelah berlaku penyerahan kuasa. Oleh itu, Anwar dan Azmin perlu duduk semeja, mencari formula terbaik mengelak perpecahan terus berlarutan.

Selagi kemelut ini berterusan, spekulasi demi spekulasi juga akan berlanjutan.

Kem Anwar dan Azmin perlu terus berbincang untuk mencari jalan 'penyelesaian politik' terbaik demi kestabilan politik PKR dan negara. Jika kedua-duanya masih gagal untuk berdamai, disyorkan supaya Dr Mahathir campur tangan untuk memberi kata putus, selaku pemimpin utama pemerintahan PH.

Penulis adalah Pengarang Bersekutu (Rencana/Mingguan) BH

Apakah tahun depan akan menyaksikan senario politik tanah air semakin panas? Itu jangkaan ramai pihak kerana menjelang Mei 2020, hayat pemerintahan Pakatan Harapan (PH) mencecah dua tahun, menghampiri separuh penggal.

Sepenggal penuh adalah pada 2023 dan besar kemungkinan pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan seawal 2022. Kita tidak pasti siapa akan mengetuai PH untuk berdepan pembangkang pada PRU-15, sama ada Tun Dr Mahathir Mohamad atau Datuk Seri Anwar Ibrahim atau ada orang lain?

Itu terserah kepada Dr Mahathir. Sekurang-kurangnya 15 kali Dr Mahathir secara terbuka menyebut Anwar sebagai penggantinya, sejak hari pertama PH mengambil alih kerajaan sehingga baru-baru ini.

Kali terakhir Dr Mahathir berkata demikian adalah dalam temu bual eksklusif bersama akhbar Australia, *Sydney Morning Herald* (SMH), di Bangkok, baru-baru ini, ketika ditanya sama